

SULIT

1249/2

1249/2
SEJARAH
KERTAS 2
NOVEMBER
2004
2 ½ JAM

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU**

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2004

TINGKATAN EMPAT

SEJARAH

KERTAS 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**
2. Jawab semua soalan daripada **Bahagian A** dan tiga soalan daripada **Bahagian B**

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak

**[Lihat sebelah
SULIT**

BAHAGIAN A
[40 markah]

Jawab semua soalan

1. Tamadun Yunani telah berkembang di Semenanjung Greece dan pulau-pulau di sekitarnya yang di kelilingi oleh laut Aegean dan Laut Mediterranean.

a) Senaraikan **DUA** negara kota yang paling menonjol di Yunani.

- i.
 - ii.
- (2 markah)

b) Namakan **TIGA** bentuk pemerintahan yang pernah diamalkan di Yunani.

- i.
 - ii.
 - iii.
- (3 markah)

c) Nyatakan **TIGA** ciri sistem demokrasi yang terdapat di Athens, Yunani.

- i.
 - ii.
 - iii.
- (3 markah)

d) Nyatakan **DUA** ciri sistem pemerintahan tentera di negara kota Sparta.

- i.
- ii.

2. Sebelum kemunculan Islam, masyarakat Arab berada dalam Zaman Jahiliah selama lebih kurang 310 tahun.

a) Nyatakan **TIGA** faktor mengapakah masyarakat Arab digelar sebagai masyarakat Jahiliah?

- i.
- ii.
- iii.

(3 markah)

b) Nyatakan **DUA** amalan masyarakat Arab Jahiliah yang tidak bermoral.

- i.
- ii.

(2 markah)

c) Berikan **DUA** bukti kegiatan ekonomi masyarakat Arab Jahiliah yang penuh dengan penindasan.

- i.
- ii.

(2 markah)

d). Berikan **TIGA** ciri sistem kabilah.

- i.
- ii.
- iii.

(3 markah)

Secara umum terdapat dua jenis pendidikan yang diamalkan oleh orang Melayu iaitu pendidikan formal dan pendidikan tidak formal

- 3 a) Nyatakan **TIGA** aspek perubahan sosiobudaya masyarakat Melayu akibat pengaruh agama Islam.
- i.
- ii.
- iii.
- (3 markah)
- b) Berikan **TIGA** peranan masjid dalam perkembangan pendidikan masyarakat Melayu.
- i.
- ii.
- iii.
- (3 markah)
- c) Nyatakan **DUA** negeri di Tanah Melayu yang menjalankan sistem pengajian pondok.
- i.
- ii.
- (2 markah)
- d) Kemukakan **DUA** ciri pendidikan tidak formal?
- i.
- ii.
- (2 markah)

4. Kaedah dan ciptaan baru dalam sektor pertanian semasa Revolusi Pertanian telah membawa kepada perkembangan sektor pertanian. Perubahan ini telah mencetuskan Revolusi Perindustrian di Eropah, khususnya di Britain pada kurun ke-18.

a) Apakah yang anda faham dengan Revolusi Perindustrian ?

.....
.....
.....
(2 markah)

b) Berikan **DUA** rekaan baru dalam kegiatan pemintalan benang dan penenunan kain semasa Revolusi Perindustrian.

i.
ii.
(2 markah)

c) Nyatakan **DUA** faktor yang mendorong perkembangan perindustrian di Eropah semasa Revolusi Perindustrian.

i.
ii.
(2 markah)

d) Nyatakan **EMPAT** kesan penggunaan mesin berkuasa wap dalam sektor perindustrian.

i.
ii.
iii.
(4 markah)

BAHAGIAN B
[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja

5. a) Apakah peranan raja dalam sistem pemerintahan beraja Mesopotamia? (10 markah)
b) Huraikan Kod Undang-undang Hammurabi. (10 markah)
6. a) Kerajaan-kerajaan awal di Asia Tenggara mengamalkan sistem pemerintahan beraja yang berasaskan campuran sistem tempatan dan pengaruh agama Hindu-Buddha. Buktikan. (12 markah)
b) Sebagai seorang ahli pengkaji purba, jelaskan unsur-unsur agama Buddha yang dapat anda temui pada Candi Borobudur. (08 markah)
7. a) "Islam tersebar berasaskan kekuatan dan dakwah Islamiah bukan kerana peperangan".
Berikan alasan-alasan anda untuk menyokong pernyataan ini. (12 markah)
b) Apakah kepentingan Perjanjian Hudaibiyah? (08 markah)
8. a) Tamadun Islam telah bertembung dengan tamadun lain di dunia sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w. lagi. Bagaimanakah pertembungan itu berlaku? (06 markah)
b) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penyebaran Islam ke Eropah terutama semasa pemerintahan kerajaan Uthmaniyah. (14 markah)
9. a) Huraikan cara kemasukan imigran Cina di Tanah Melayu dari awal abad ke-19 hingga awal abad ke-20. (10 markah)
b) Terangkan peranan institusi kewangan dan insurans dalam perkembangan ekonomi di Tanah Melayu dari tahun 1859 – 1948. (10 markah)